

Headline **Kelab TaHa@U**  
Date **02 Apr 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Hip**  
Journalist **Rosniza Mohd Taha**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **L-32**  
Article Size **169 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,585**  
PRValue **10,755**



# Kelab TaHa@U

## Pelajar IPT berpeluang jadi sukarelawan

Rosniza Mohd Taha

**T**ABUNG Haji (TH) akan menuahkan Kelab TaHa@U, bagi menarik minat pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini menabung dan membabitkan diri dalam kegiatan kesukarelawan terutama musim haji di Makkah.

Ketua Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali, berkata kelab yang akan dilancarkan dalam masa terdekat itu adalah usaha terbaru untuk menjadikan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk Islam di negara ini pendeposit TH.

Beliau berkata, antara manfaat pelajar IPT yang menyertai TaHa@U, mereka bakal diberi peluang berkhidmat sebagai sukarelawan TH pada musim haji serta program kemasyarakatan yang dianjurkan agensi itu.

"Penubuhan TaHa@U tahun ini sebagai kesinambungan Kelab TaHa yang berjaya menarik lebih 400,000 keahlian



Kamarudin Mat Ali

di kalangan pelajar berumur tujuh hingga 17 tahun, dengan jumlah simpanan lebih RM200 juta selepas dua tahun ditubuhkan.

"Pelajar IPT yang menyertai kelab baru bakal dilancarkan ini akan menikmati keistimewaan seperti potongan harga diberikan lebih 200 syarikat yang menjadi Kelab TaHa.

"Mereka juga akan mendapat pendedahan sebenar mengenai aktiviti Kumpulan TH menerusi penyertaan sebagai sukarelawan dalam operasi dan

pelbagai program kemasyarakatan agensi ini," katanya di ibu pejabat TH, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kamarudin berkata ahli TaHa@U juga digalak mengendalikan program 'mentor-mentee' dengan pelajar sekolah terutama ahli Kelab TaHa yang akan diadakan di setiap negeri.

Program itu, katanya, antara inisiatif baru dilaksanakan bagi menambah baik program Kelab TaHa yang terbukti berupaya membantu kerajaan membangunkan modal insan berwawasan dan berkualiti.

"Sambutan memberangsangkan terhadap Kelab TaHa membina kepercayaan masyarakat terhadap komitmen TH dalam menjalankan tanggungjawab sosial mendidik anak muda menabung di peringkat sekolah lagi.

"Setelah tiga tahun ditubuhkan aktiviti Kelab TaHa terus ditambah nilai merangkumi pembangunan sahsiah dan kecemerlangan pelajar termasuk program motivasi bersama pelajar IPT," katanya.